

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]**

RUJUKAN : 8004

SOALAN:

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah tangkapan individu yang disyaki terlibat secara langsung dengan kegiatan IS; dan
- (b) apakah strategi Kementerian dalam mengawal selia kemasukan individu yang dikhuatiri menjadi dalang yang menghasut warganegara ini untuk menyertai kegiatan IS.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), sehingga 7 Mei 2015, seramai 107 orang telah ditahan oleh pihak polis kerana disyaki terlibat dengan kegiatan kumpulan militan *Islamic State* (IS).

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengawal kemasukan individu yang dikhuatiri menjadi dalang menghasut warganegara ini untuk menyertai kumpulan militan IS. Antaranya ialah mengadakan kerjasama antarabangsa dengan agensi-agensi perisikan negara luar melalui perkongsian maklumat khususnya dengan negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis akan membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.

Sebagai contoh, nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara. Hasilnya telah terbukti apabila pihak polis telah berjaya menahan seramai 107 orang yang disyaki terlibat dengan kegiatan kumpulan militan *Islamic State* (IS) yang terdiri daripada 91 orang rakyat Malaysia dan 16 orang warganegara asing.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.